

KENANGAN
... Dr Kasim
menanam
pokok
sambil di
perhatikan
Darwises.



TAHNIAH ... Dr. Kasim menyampaikan hadiah kepada Azman.

NST 02.03.2012 11



Utamakan imej Hepa UMS selaras peranan didik modal insan, kata Dr. Kasim

KOTA KINABALU: Semangat tolong menolong, setia kawan harus dipupuk demi melahirkan hubungan baik yang sedia terjalin antara kakitangan dan jabatan.

"Warga Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu bekerjasama, saling bantu membantu dalam menjalankan tugas sehari-hari dan menjadi keutamaan untuk meningkatkan imej universiti," kata Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof. Madya Datuk Dr. Dr. Kasim Hj. Mansur.

Beliau berkata, ini selaras dengan peranannya untuk mendidik dan melahirkan modal insan yang profesional, berilmu dan berdaya saing, UMS sentiasa bertekad menjadi sebuah institusi yang memfokuskan kepada kecemerlangan dalam bidang akademik yang melibatkan pengajaran dan juga pembelajaran.

"Dalam masa yang sama, UMS turut menitikberatkan kualiti dan pembangunan sahih pelajar dalam pelbagai bidang yang diminati," katanya semasa merasmikan Perhimpunan Bulanan 2012 jabatan HEPA.

"Era globalisasi menyaksikan bidang pendidikan memer-

lukan kita mempersiapkan dan melengkapkan diri dengan penuh ketabahan. Seperti yang kita maklum pendidikan merupakan aset penting yang harus ada di kalangan generasi akan datang. Sewajarnya pelajar perlu disajikan dengan pembelajaran yang lebih kondusif, bersistematis demikti untuk mengharungi masa depan," tegas beliau.

Menurut beliau, UMS terus berkembang dengan pesat sama ada dari segi perkembangan akademik mahupun perkembangan fizikalnya.

UMS adalah satu-satunya universiti di negara ini yang dapat membangunkan serentak dari segi aspek akademik dan pembangunan fizikalnya. Peningkatan populasi pelajar setiap tahun pastinya membawa kepada peningkatan bilangan graduan yang akan bergraduat.

Menurut Dr. Kasim, adalah menjadi tanggungjawab jabatan HEPA supaya sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kerja dan memastikan agar urusan pembelajaran dan penginapan mahasiswa mahasiswa terjaga dan terpelihara, malah jabatan ini bertanggungjawab memastikan mahasiswa mahasiswa UMS terus bergiat aktif dalam semua lapangan termasuklah kepimpinan,

inian, kerohanian, kemasyarakatan dan kebudayaan.

Beliau berkata, ini selaras dengan objektif HEPA iaitu, mengurus, mengatur dan mengawal selia semua kegiatan yang berkaitan dengan pembangunan sahship pelajar serta kebajikan pelajar bagi mewujudkan keseleraan dalam proses pembelajaran dan suasana kehidupan kampus yang berkualiti.

Usaha ini juga katanya akan dapat memastikan kegiatan pelajar diorientasikan ke arah melahirkan graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan bersahsih tinggi selaras dengan visi dan misi universiti.

"Melalui pengalaman mereka dalam mentadbir dan mengelola kegiatan-kegiatan kerja lapang, persatuan-persatuan dan kelab-kelab, setidaknya akan menanamkan perasaan penuh kesedaran tentang perlunya melaksanakan projek-projek ke-masyarakat," katanya.

Di majlis tersebut Dr. Kasim menyampaikan hadiah kepada kakitangan yang berjaya sempena Karnival Sukan Universiti.

Hadir sama dalam majlis itu Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Darwises Awang dan ketua-ketua bahagian dan pusat serta kakitangan di bawah HEPA. -OLEH ISMAIL ALI JS